



Rapid Bus Sdn Bhd 201201040722 (1025200-A)

RAPID PENANG OFFICE

Lorong Kulit, 10460 Pulau Pinang.

Tel : +604-238 1212 Fax : +604-228 1070 Website : www.rapidpg.com.my

rapidKL rapidPenang rapidKuantan



SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

RAPID PENANG MENAFIKAN TERLIBAT DALAM TAWARAN IKLAN PALSU

Orang awam diminta untuk berhati-hati dan tidak terpedaya

PULAU PINANG, 17 November – Rapid Bus Sdn Bhd (Rapid Bus), sebagai pengendali perkhidmatan bas Rapid Penang ingin menegaskan bahawa promosi yang disebarluaskan baru-baru ini melalui sebuah akaun Facebook milik Pengangkutan Awam Pulau Pinang yang mengiklankan pas perjalanan tanpa had Pas Mutiara dengan menawarkan harga RM14.00, selama 6 bulan untuk semua jenis mod pengangkutan adalah **TIDAK SAH** dan **BUKAN** inisiatif yang dikeluarkan oleh Rapid Penang.

Kami ingin menegaskan bahawa sebarang promosi atau tawaran yang melibatkan produk dan perkhidmatan Rapid Penang hanya akan diumumkan melalui saluran rasmi seperti di bawah:

Saluran	Butiran
Laman Web	www.myrapid.com.my
Facebook	@rapidpgfans
Instagram	myrapidpg
X	@RapidPG
TikTok	myrapidpg

Rapid Bus juga ingin menegaskan bahawa tindakan pihak yang bertanggungjawab atas penyebaran maklumat palsu ini adalah salah di sisi undang-undang dan telah mencemarkan imej syarikat.

Muhammad Yazurin Sallij berkata, “Rapid Bus telah membuat laporan polis dan memohon orang awam berhati-hati dan tidak terpedaya dengan maklumat, iklan atau tawaran yang tidak rasmi. Sebarang maklumat atau promosi yang sah dan terkini boleh didapati melalui saluran rasmi kami sahaja”.



FIRST ORGANIZATION TO
RECEIVE FIVE ISO
CERTIFICATION
THROUGH INTEGRATED
MANAGEMENT SYSTEM
IN A SINGLE AUDIT

CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS
05 100 22020 05 100 22022
05 100 22021 05 100 22023

CERTIFIED TO ISO 14001:2015
CERT. NO.: EMS
14 104 22004 14 104 22006
14 104 22005 14 104 22007

CERTIFIED TO ISO 45001:2018
CERT. NO.: OHSMS
44 126 22 92 0025 44 127 22 92 0027
44 126 22 92 0026 44 126 22 92 0028

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013
CERT. NO.: ISMS 00341
0074

CERTIFIED TO ISO 37001:2016
CERT. NO.: ABMS 00129

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi talian khidmat pelanggan Rapid Penang di 04- 255 8000 (Isnin hingga Ahad: 5.30 pagi hingga 11.00 malam) atau melalui laman media sosial rasmi Rapid Penang atau emel ke rapidcare@prasarana.com.my.

[TAMAT]

Dikeluarkan oleh Rapid Bus Sdn Bhd. Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

- *Rapid Penang : Rafidah Abdul Karim: rafidah.abdulkarim@prasarana.com.my*
- *Rapid Penang : Nur Ashikin Jamaludin: nurashikin@prasarana.com.my*